



21 APR, 2024

MHC lantik empat pembantu jurulatih kendali skuad remaja kebangsaan

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

MHC lantik empat pembantu jurulatih kendali skuad remaja kebangsaan

Petaling Jaya: Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) menyuntik kelainan apabila dijangka melantik empat pembantu jurulatih bagi menjalankan tugas mengendalikan skuad remaja kebangsaan, manakala ketua jurulatih skuad senior, Sarjit diberi tugas memantau pasukan itu.

Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal berkata, perkara itu diputuskan dalam masa terdekat namun mengikut perancangan, Sarjit juga bakal menyelia skuad remaja itu.

Jelasnya, keputusan itu dibuat bagi meningkatkan lagi persefahaman antara pasukan junior dan senior dari semasa ke semasa terutama dalam soal pemi-

lihan pemain.

“Saya sudah maklumkan kepada jurulatih Sarjit bahawa tiada jurulatih khusus untuk pasukan remaja dan dia juga akan diberikan tugas memantau pasukan berkenaan. Sekarang kita ada empat jurulatih termasuk Sarjit untuk bantu pasukan utama dan kita juga akan tambah empat lagi pembantu dalam pasukan remaja.

“Dari empat pembantu itu, salah seorang dari mereka juga boleh dilantik menjadi ketua jurulatih termasuk Sarjit sendiri pada kejohanan akan datang. Tujuan kita melakukan perkara ini adalah untuk mewujudkan satu saluran yang sama dan lebih

persefahaman antara pasukan remaja dan skuad kebangsaan,” katanya selepas sidang media Majlis Pelancaran Liga Hoki Selangor TNB-QNET 2024 di sini, semalam.

Ketika ini dalam skuad senior, Sarjit digandingkan bersama Mohamad Sukri Mutalib selaku penolong jurulatih dan Azrul Effendy Bistamam manakala jurulatih penjaga gol dibantu S Kumar.

Beliau berkata, barisan jurulatih baharu itu diketahuhi seawal Mei ini dan kesemua pemain berkumpul menjalani latihan bersama-sama memandangkan kelayakan Piala Dunia Remaja akan berlangsung pada Disember nanti.

Pada masa sama, Subahan melihat skuad kendalian Sarjit semakin bertambah baik selepas menjalani latihan bersama hampir sebulan lalu.

“Pasukan ini dalam perediaan fasa terakhir sebelum menghadapi Piala Sultan Azlan Shah pada 4 sehingga 11 Mei depan dan mereka semakin bersedia ke pertandingan itu.

“Saya difahamkan Sarjit juga akan umumkan barisan penuh pada hujung bulan ini. Untuk pertandingan ini tiada sasaran khusus kerana pasukan ini ada perubahan drastik dari segi pemain kerana ada pemain senior yang tidak terpilih serta sudah bersara,” katanya.



SUBAHAN Kamal (dua dari kiri) pada sidang media selepas perasmian Liga Hoki Selangor TNB QNET 2024 di Menara Qi, Petaling Jaya.